



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 1 DISEMBER 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : TVET

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	01.12.2017 Jumaat	UTUSAN MALAYSIA Bumiputera perlu terokai TVET- Ismail	Dalam Negeri 24	KSM

Bumiputera perlu terokai TVET - Ismail

Oleh **SYUKRI SHAARI**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 NOV.

TANGGAPAN pihak tertentu kononnya kerajaan hari ini tidak membantu dalam memperkasa agenda bumiputera termasuk dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi tidak tepat.

Sebaliknya, kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa mahu membantu meningkatkan kemahiran teknik serta vokasional rakyat khususnya belia bumiputera menerusi pelbagai inisiatif.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Ismail Abd. Muttalib menjelaskan, buktinya apabila kerajaan memperuntukkan sehingga RM4.9 bilion untuk Sistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Malaysia pada Bajet 2018 lalu.

Sambil mengakui kaum lain khususnya Cina lebih ke depan daripada aspek TVET berban-

ding bumiputera, Ismail berkata, persepsi dalam kalangan ibu bapa perlu berubah dengan tidak lagi memandang enteng kepentingan pendidikan kemahiran dan vokasional.

“Hakikatnya dalam tempoh 30 tahun akan datang, pekerjaan yang menumpukan kepada kemahiran modal insan bakal mendominasi pasaran. Jadi, kita perlu mempersiapkan anak-anak kita dengan penguasaan sektor berkemahiran supaya boleh terus bersaing pada masa depan.



ISMAIL ABD.MUTTALIB

“Saya telah lakukan lawatan di syarikat besar seperti Apple misalnya, saya lihat ada anak Melayu bumiputera yang bekerja dalam bahagian perisian, jadi saya fikir kita mampu bersaing. Peruntukan untuk semua, namun ditekan bahawa kita tidak mengabaikan usaha melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dalam kalangan bumiputera,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Parlimen hari ini.

Mengulas lanjut, Ismail memberitahu, penguasaan bumiputera dalam bidang-bidang kemahiran

teknikal dan vokasional secara tidak langsungnya akan membantu menaik taraf perkembangan ekonomi golongan itu.

“Bukti sudah ada. Ada anak Melayu yang mampu menjana pendapatan sehingga RM500,000 sebulan hanya dengan menguasai satu sektor dalam TVET,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Ismail merujuk kepada satu kajian baru-baru ini yang mendapati menjelang tahun 2050, 60 peratus pekerjaan pada hari ini tidak lagi wujud.

Berikutan itu, Ismail mempersoalkan ke mana lagi anak Melayu dan bumiputera hendak pergi sekiranya tidak menguasai TVET ketika itu.

“Contoh anak kita kerja pasang komponen kenderaan, pada masa depan dipercayai robot akan menguasai skop tugas ini. Jadi apa tugas anak kita nanti? Salah satunya ialah menyelenggara robot-robot berkenaan, sebab itu kita perlu galak mereka terokai bidang kemahiran,” ujar beliau.

Ismail berkata, atas penilaian tersebut, kerajaan komited untuk memperkasakan penguasaan TVET dalam kalangan belia di negara ini khususnya bumiputera.